

# BAJET 2008 : KAKITANGAN & PELAJAR TURUT IKUTI PEMBENTANGAN BAJET



Pembentangan Bajet 2008 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 7/8/2007 turut menarik minat kakitangan dan pelajar-pelajar yang mengikuti siaran secara langsung tersebut di lobi pejabat SPE. Sejajar dengan tema 'Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran', bajet kali ini memperlihatkan keperihatian kerajaan dalam memastikan Negara tetap maju, terus dibina dan pada masa yang sama rakyat menikmati kemakmuran khususnya dalam usia Negara mencapai kemerdekaan Negara yang ke 50. Seperkara yang menarik mengenai bajet 2008 ialah keperihatian kerajaan memperuntukan

sebanyak RM12.1 billion khusus kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan perbelanjaan yang besar diharap dapat merealisasikan misi kerajaan meningkatkan kualiti pendidikan setara dengan institusi pendidikan tinggi di luar Negara. Selain itu, menerusi bajet 2008 juga Sabah telah diberi peruntukan khusus sebanyak RM4 billion yang bakal disalurkan bagi tujuan pembangunan infrastruktur di sekitar Sabah bagi merapatkan jurang hidup masyarakat Bandar dan luar Bandar. Bajet kali ini juga dilihat memberi tumpuan kepada rakyat biasa melalui pelbagai inisiatif yang diberikan.